



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ هَالِ الْهَوَالِ الْاِئْمَارِ الْاِسْلَامِيَّةِ سَبَاڤْ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

22 SYAABAN 1446H/ 21 FEBRUARI 2025M

KEMULIAAN SYAABAN MENUJU KEBERKATAN RAMADAN

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

* لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّنْ نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ
وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

(النساء: 114)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ

مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredaan-Nya baik di dunia mahupun di akhirat kelak. Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“Kemuliaan Syaaban Menuju Keberkatan Ramadan”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sedar atau tidak, kita sudah berada pada 22 Syaaban. Bulan Syaaban merupakan bulan yang mempunyai kelebihan dan keistimewaannya yang tersendiri. Pada bulan inilah juga kita digalak untuk membiasakan diri membuat amalan kebajikan sebanyak mungkin agar setibanya bulan Ramadan nanti, kita sudah terbiasa serta bersedia untuk mempertingkatkan lagi kualiti amal ibadah seharian.

Dalam sebuah hadis Riwayat al-Bukhari, Saidatina Aisyah Radiallahu anha pernah memberitahu Abu Salamah bahawa Nabi Muhammad SAW lebih banyak berpuasa sunat di bulan Syabaan berbanding bulan-bulan yang lain.

Sebagai umat yang mencintai Nabi Muhammad SAW, maka sewajarnya kita mengikuti apa yang disunnahkan Rasulullah SAW dengan mengamalkan amalan puasa sunat dan ibadah lainnya. Allah SWT berfirman dalam surah Ali-Imran ayat 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Maksudnya: *"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Untuk mencapai kelebihan pada bulan ini, maka umat Islam adalah dianjurkan untuk melakukan pelbagai ibadah seperti berikut:

Pertama: Berpuasa sunat. Inilah ibadah yang diutamakan oleh Rasulullah SAW. Peluang keemasan ini sewajarnya kita ambil demi membiasakan diri agar tidak berasa keberatan untuk melakukannya menjelang bulan Ramadan. Sepertimana yang ditegaskan oleh Baginda Rasulullah SAW menerusi sebuah hadis yang **bermaksud:** *"...maka tidaklah aku melihat Baginda SAW berpuasa selama sebulan melainkan pada bulan Ramadan, dan tidaklah aku melihat Baginda SAW memperbanyakkan puasa melainkan pada bulan Syaaban."* (HR.al-Bukhari)

Kedua: Berusaha bangun pada sepertiga malam. Melatih diri dengan melakukan "Qiamullail" serta mengisinya dengan aktiviti ibadah seperti solat sunat Taubat, Solat Hajat, Solat Tahajjud, berzikir, bersedekah serta berdoa. Imam al-Syafi'i rahimahullah pernah berkata: *"telah sampai kepada kami bahawa doa akan dimakbulkan pada lima malam, iaitu malam Jumaat, malam hari Raya Aidil Fitri, malam hari Raya Aidil Adha, awal malam di bulan Rejab dan malam Nisfu Syaaban"*

Ketiga: Memperbaiki serta mempereratkan silaturrahim. Hubungan sesama manusia adakalanya menerima ujian. Apatah lagi bila dendam dan enggan memaafkan mula menguasai diri. Justeru dengan kemuliaan bulan syaaban, usahakanlah untuk meleraikan apa-apa permusuhan dengan saling

memaafkan kerana Allah SWT. Sucikanlah diri dari perasaan dengki, iri dan sebagainya sebelum tibanya Ramadan agar amal ibadah yang kita laksanakan dapat dirasakan kemanisannya.

Keempat: Berterusan dan istiqamah melakukan amal soleh dan kebajikan. Istiqamah bermaksud sentiasa melakukannya secara berterusan walaupun hanya sedikit atau sekejap masa yang diambil untuk melaksanakannya. Daripada Aisyah Radiallahu anha berkata, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda yang **maksudnya:** *“Rasulullah SAW pernah ditanya, apakah amalan yang paling disukai oleh Allah SWT? Baginda SAW bersabda: “amalan yang dilakukan secara istiqamah walaupun sedikit. Kemudian Baginda meneruskan sabdanya: Beramallah sesuai dengan kemampuan kamu.” (H.R al-Bukhari)*

Kelima: Memperbanyakkan doa memohon keampunan. Ramai yang tidak menyedari bahawa kita sering melakukan dosa. Malahan dosa yang dilakukan semakin bertambah terutama dosa-dosa kecil tanpa disedari sama ada melalui pertuturan, penulisan, penglihatan, pendengaran mahupun tingkah laku. Semua dosa ini sebenarnya menjadi titik-titik hitam yang menyebabkan hati menjadi semakin keras. Lebih parah dan membimbangkan hati jauh dari petunjuk Allah SWT.

Justeru, perbanyakkan istighfar serta memohon keampunan selagi pintu keampunan belum ditutup. Allah berfirman dalam surah Hud, ayat 3:

وَأَنِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمَتِّعْكُمْ مَتَاعًا حَسَنًا إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى وَيُؤْتِ كُلَّ ذِي فَضْلٍ فَضْلَهُ ۖ وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴿٣﴾

Maksudnya: *“Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepadaNya; supaya Ia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) Ia akan memberi kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang soleh) akan pahala kelebihannya itu; dan jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan beroleh azab hari kiamat yang besar (huru-haranya).”*

MUSLIMIN MUSLIMAT JEMAAT JUMAAT YANG DIKASIHI,

Menyimpul khutbah kali ini, marilah kita menghayati beberapa perkara berikut sebagai panduan serta titik tolak tindakan kita bersama:

Pertama- Marilah bersama mengambil peluang keemasan hari-hari yang berbaki pada bulan syabaan ini dengan melakukan ibadah serta amal soleh sebanyak mungkin demi mencari dan meraih reda Allah SWT semata-mata.

Kedua- Sentiasalah berusaha memperbaiki hubungan sesama manusia terutamanya dengan keluarga, jiran serta persaudaraan sesama umat Islam bagi memperoleh keberkatan serta rahmat Allah SWT.

Ketiga- Ambillah peluang sementara kita masih direzekikan bernyawa, hidup sihat, masih bertenaga, muda dan senang dengan melakukan muhasabah diri serta bertaubat kepada Allah SWT.

Marilah kita sama-sama menghayati firman Allah dalam surah an-Nisaa', ayat 114:

* لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّنْ نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ
وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

Maksudnya: “Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ
وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَهَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كباوه دولي يغ مها موليا سري فادوك بكيندا يغ دثرتوان آوغ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى **توان يغ تراوتام يغ دثرتوا نكري سابه**. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
أَمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ،
مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin,
kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami
dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan
keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara
berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan
ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai.
Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan
memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظِمُ لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.